

UMT pupuk kesedaran cintakan laut

Sambutan Hari Lautan Sedunia turut mendapat kerjasama Maritim Malaysia

Oleh Nas Norziela Nasbah
bhpendidikan@bh.com.my

Kuala Terengganu: Setiap 8 Jun, dunia meraikan Hari Lautan Sedunia bagi menyedarkan masyarakat kepentingan laut terhadap ekosistem.

Masakan tidak, laut menghasilkan 50 peratus daripada oksigen dan menjadi rumah kebanyakan biodiversiti bumi.

Justeru, sebagai sebuah institut pengajian tinggi yang memfokuskan bidang marin dan sumber akuatik, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) tampil meraikan Hari Lautan Sedunia dengan memperkukuhkan kempen penjagaan alam sekitar.

Menerusi Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) UMT, sambutan Hari Lautan Sedunia kali ini disertakan dengan pelbagai aktiviti menarik dalam usaha mendekatkan masyarakat dengan sains.

Selain itu ia bertujuan mengu-



Kempen kesedaran cintakan laut turut dimeriahkan dengan pertandingan membina istana pasir.

bah dan mengurangkan ancaman terhadap lautan demi kehidupan lestari.

Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mazlan Abd Ghaffar, berkata program tahun ini yang diadakan selama seminggu bermula 6 Jun lalu menekankan kepada memperluaskan kefahaman masyarakat mengenai ekosistem alam terutamanya kelestarian lautan.

"Selain penganjuran pelbagai aktiviti pameran turut diadakan program pembersihan pantai," katanya.

Tegas Mazlan, seakan sudah menjadi kebiasaan di pesisiran



Kanak-kanak dianggap generasi pemimpin masa hadapan yang perlu ditanam dengan rasa cinta pada alam sejak kecil.

pantai, kita pasti akan menjumpai sisa plastik seperti botol minum, penyedut minuman plastik atau pembungkus makanan polisterina.

Sisa buangan sebegini katanya, akan hanyut ke laut dan akhirnya memberi kesan buruk kepada hidupan laut.

"Jika kita tidak peduli dengan pencemaran laut, sisa buangan ini dianggap sebagai makanan spesies tertentu yang menyebabkan kitaran ekosistem marin terjejas teruk akibat daripada kepupusan.

"Oleh itu, usaha yang dijalankan pihak bertanggungjawab termasuklah UMT adalah bagi mengingatkan dengan memberi kesedaran mengenai betapa pentingnya menjaga dan memulihara khazanah alam sekitar termasuk laut yang sebahagian daripada kehidupan manusia," katanya.

Untuk rekod, setiap tahun sekurang-kurangnya 8 juta tan sisa plastik berakhir di laut bersama-sama pelbagai bahan kimia berbahaya dan sisa manusia. Bahan pencemar buatan manusia ini mendarat di dasar lautan dan menjejaskan hidupan marin dan habitat semula jadi.

Sambutan Hari Lautan Sedunia kali ini turut menyaksikan UMT bekerjasama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

"Kolaborasi sambutan tahun ini dilihat menepati objektif kedua-dua entiti, iaitu berkisar kepada hidupan laut," katanya.